

26/09/2003

`Dunia hadapi ancaman baru'

Teks ucapan penuh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, semalam.

IZINKAN saya sebagai Perdana Menteri Malaysia dan Pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) mengucapkan tahniah ikhlas saya kepada anda yang dilantik sebagai Presiden Sesi ke-58 sidang Perhimpunan Agung. Saya yakin dengan kebijaksanaan, pengalaman dan kecekapan diplomatik, anda akan dapat menjalankan sidang kali ini dengan jayanya. Saya ingin memberi jaminan mengenai kerjasama sepenuhnya daripada delegasi Malaysia. Saya juga begitu yakin negara anggota NAM akan memberi segala sokongan dan kerjasama kepada anda.

Benarkan saya memberi penghargaan dan pujian kepada presiden sesi sebelum anda, Yang Berhormat Jan Kavan, kerana dedikasi dan cara berkesan beliau melaksanakan tugasnya pada Sesi ke-57 Perhimpunan Agung ini.

Saya juga menghargai usaha dan kesabaran Setiausaha Agung dan saya menyanjung tinggi semua pihak yang begitu dedikasi serta menyabung nyawa demi tugas kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Perhimpunan ini adalah forum bagi negara-negara dunia sama ada besar atau kecil, untuk menyuarakan pandangan dan kekecewaan secara bebas sebagai pendukung tatacara masyarakat antarabangsa. Malangnya, ia terpaksa tunduk kepada Majlis Keselamatan PBB yang sebaliknya mengikut telunjuk salah satu daripada lima negara yang menang dalam satu peperangan yang berlaku lebih setengah abad yang lalu. Ia jauh sekali menjadi satu forum demokratik tetapi itulah saja yang ada pada tamadun besar pada lewat abad 20-an dan awal abad ke-21. Peradaban yang sepatutnya mendukung kebebasan.

Namun, kami sebagai negara kecil masih bersyukur. Daripada menjadi jajahan kuasa Eropah kami sudah merdeka dan kami diterima menganggotai PBB dengan diberi hak untuk berucap, walaupun wujud batasan dan decorum pada perhimpunan ini. Sebagai negara yang merdeka kami percaya kami mempunyai hak untuk mengurus hal ehwal dalaman kami sendiri tanpa perlu campur tangan asing.

Kita akui mengenai wujudnya penyalahgunaan kuasa dalam pengurusan negara oleh sesetengah kerajaan. Tetapi kalangan yang membuat tuduhan itu harus ingat bahawa mereka juga menyalahgunakan kuasa kerajaan mereka apabila merampas tanah milik kaum pribumi dan menghapuskan mereka sambil mendakwa ia adalah "suratan takdir" dan "Beban Orang Kulit Putih" untuk membawa tamadun dengan membina negara mereka di bumi berkenaan serta mengurung rakyat pribumi di tanah gersang tanpa memberi sebarang peranan dalam negara yang baru didirikan itu.

Apa yang mereka lakukan kepada penduduk pribumi bukanlah sesuatu yang asing kerana di negara mereka sendiri pun mereka melakukan kezaliman terhadap bangsa Yahudi, menyoal dan menjalankan perbicaraan sesuka hati, mendera dan membunuh mangsa yang diikat pada tiang.

Kita semua mengendong peninggalan buruk sejarah. Tetapi kita sedia melupakannya bukanlah semata-mata kerana menyedari hakikat bahawa sejarah sentiasa mengulangi perkara yang tidak baik. Hari ini kita melihat kebangkitan semula kuasa imperialis Eropah. Pada mulanya kita menyangka penjajahan secara maya. Dengan menjerut ekonomi dan penguasaan kewangan, semua negara yang baru merdeka tersungkur meminta belas agar dijajah dalam bentuk lain. Tetapi hari ini kita sebenarnya menghadapi penaklukan fizikal cara lama oleh tentera asing. Rejim boneka didirikan, menari seperti mana

yang dilakukan oleh patung.

Pada institusi ini, PBB, kita meletakkan sepenuh harapan, walaupun dengan jaminan yang kononnya akan diberikan oleh Lima Kuasa Besar, hari ini pertubuhan itu semakin menuju keruntuhan dan tidak mampu lagi melindungi negara yang lemah dan miskin.

PBB ini boleh diabaikan, ditolak ke tepi, sedang ia bertungkus lumus minta diakui supaya dianggap masih relevan. Organ-organnya sudah dirobek, dibelah dan dicantumkan semula sebagaimana diinginkan oleh tuan patungnya. Bank Dunia, Tabung Mata Wang Antarabangsa, Pertubuhan Dagangan Antarabangsa kini sudah dijadikan alat hegemoni, untuk memerah negara miskin dan memewahkan negara kaya. Jadi tidaklah menghairankan hari ini jurang di antara negara kaya dengan miskin semakin luas.

Dengan PBB yang lemah longlai dan semua agensinya dijadikan organ negara kuat dan berkuasa, negara kecil kini terbiar dan terdedah kepada putar belit. Walaupun kita sebenarnya tidak bersalah, tidak ada apa yang boleh menghalang tuduhan palsu dilemparkan terhadap kita.

Kita berasakan betapa perlunya keutuhan dan kewibawaan PBB dipulihkan. Anehnya pencabulan norma antarabangsa dilakukan oleh negara yang kononnya menyanjung kebebasan bersuara dan hak orang lain.

Apabila kritikan dilarang dan salah guna kuasa meningkat sehingga tidak dapat dibendung, ia mencetuskan pula bantahan dan penentangan yang biasanya diikuti segala bentuk kemusnahan.

Inilah yang berlaku kepada Saddam Hussein dan negaranya. Ia juga boleh berlaku membabitkan banyak negara lain. Kebebasan bersuara ada batasannya tetapi apabila ini tidak wujud lagi maka ia boleh mencetuskan ledakan.

Sejak krisis kewangan Asia pada 1997, Malaysia masih belum mampu bangkit sepenuhnya. Krisis itu diikuti dengan runtuhnya syarikat-syarikat Dot.Com, iaitu penipuan besar-besaran dilakukan oleh perbadanan multinasional gergasi dari negara kaya. Kemudian tercetus serangan 11 September oleh kumpulan pengganas yang mengakibatkan kawalan keselamatan diperketatkan di seluruh dunia, diikuti dengan penaklukan Afghanistan dan Iraq.

Kini dunia hidup dicengkam ketakutan - negara kaya bimbang diserang pengganas dan yang lain bimbang dijadikan sasaran akibat disyaki dan menjadi mangsa serangan awal secara mengejut.

Kemudian timbul pula wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), yang hampir menyebabkan syarikat penerbangan bangkrap selain sektor pelancongan. SARS hilang ibarat dalam sekelip mata sebagaimana ia muncul dulu. Tetapi tidak ada jaminan bahawa wabak yang sama tidak akan muncul semula.

Dunia kini sudah hilang hala tujunya. Harapan kepada pemulihan selepas Perang Dunia II dan penubuhan PBB hancur akibat Perang Dingin. Kini Perang Dingin sudah berlalu tetapi dunia unipolar yang lahir dan peningkatan fahaman kapitalisme membawa bersamanya ancaman-ancaman baru. Tidak ada negara yang selamat daripada peniaga mata wang yang rakus yang dalam masa beberapa hari saja boleh meruntuhkan ekonomi negara membangun yang dibina dengan penuh kesabaran. Mereka bukannya dikutuk malah dipuji kerana bersikap dermawan.

Sekurang-kurangnya Robin Hood mencuri dari orang kaya untuk membantu si miskin, tetapi penyangak-penyangak mata wang itu mencekik negara miskin sambil menghulurkan sedikit bantuan untuk menutup rasa bersalah mereka. Mereka bukanlah dermawan dalam erti kata sebenar.

Dunia yang unipolar dikuasai oleh sebuah negara demokratik sedang mengheret ekonomi dunia kepada kehancuran dan huru-hara politik, ketidaktentuan dan kebimbangan. Kita tidak akan pulih semula dan hidup aman damai selagi ugutan dan ancaman digunakan untuk memaksa perubahan dilakukan terhadap ekonomi dan pemerintahan yang sebahagian besar daripada negara dunia belum bersedia dan tidak mahu menerimanya.

Jika kita mahu demokrasi, menegakkan undang-undang dan menghormati hak asasi manusia, negara yang kuat mestilah membuktikan mereka menjunjung dan sedia melaksanakan semua idea yang muluk itu.

Mereka melakukannya dengan menyusun semula PBB terutama dengan menghapuskan amalan kuasa veto sebuah negara yang tidak demokratik. Ini harus digantikan dengan kaedah penggunaan kuasa veto yang diubahsuai iaitu dua negara berkuasa veto disokong oleh tiga negara lain anggota Majlis Keselamatan diperlukan untuk menghalang sebarang ketetapan PBB. Malah akhirnya ini juga harus dihapuskan dengan keputusan suara majoriti di Majlis Keselamatan.

Agensi penting dalam PBB harus bebas daripada penguasaan sebuah negara tunggal. Secara beransur-ansur, ia harus dijadikan lebih demokratik.

Pasaran bebas harus diberi pengiktirafan sewajarnya. Ia tidak harus menjadi satu kuasa politik digunakan untuk memaksa sesebuah kerajaan. Bagi mendapatkan hak mengeksplotasi perdagangan dunia, satu bentuk cukai harus dikenakan oleh PBB dan digunakannya oleh pertubuhan itu untuk membina prasarana bagi negara miskin dunia.

Kadar tukaran mata wang harus ditentukan oleh sebuah Suruhanjaya Antarabangsa bersandarkan isu relevan. Selain daripada komisen kecil, tidak ada keuntungan harus diperoleh dengan memanipulasi kadar tukaran mata wang.

Subsidi oleh negara kaya untuk pengeluaran makanan dan produk lain hendaklah dihalang walaupun negara miskin mungkin boleh dibenarkan untuk satu jangka masa melindungi perusahaan dan pengeluaran makanan mereka.

Dunia sudah hilang arah. Dunia bergerak terlalu pantas. Kita perlu berhenti sejenak dan mengambil kira apa dicapai. Ada satu pepatah Melayu jika sesat di hujung jalan, baliklah ke pangkal jalan. Kita perlu kembali ke pangkal jalan. Jika kita berani mengakuinya, kebanyakan daripada masalah yang kita hadapi hari ini berpunca daripada tindakan merampas bumi penduduk Palestin dalam usaha mewujudkan negara Israel sebagai jalan menyelesaikan masalah orang Yahudi yang menimbulkan pelbagai kesukaran kepada Eropah.